

ANALISIS FATWA AIR SISA KUMBAHAN DARI SUMBER MUTANAJJIS

Fatwa Analysis Of Sewage Water From Mutanajjis Sources

ⁱMohd Mahyeddin Mohd Salleh, ⁱYasmin Hanani Mohd Safian, ⁱHussein 'Azeemi Abdullah Thaidi,

ⁱⁱSyaza Azhari, ⁱKhadijah Amira Abdul Rashid

ⁱFakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai,

mayeddin@usim.edu.my

ⁱⁱFakulti Sains dan Teknologi, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai

Abstrak	Abstract
<p>Kemajuan teknologi masakini memberi impak besar kepada kesejahteraan hidup manusia. Antaranya membabitkan teknologi rawatan air sisa kumbahan yang mampu memproses air kumbahan menjadi lebih bernilai seperti digunakan sebagai air baja tumbuhan, mahupun air minuman. Manakala mendapan sisa kumbahan menghasilkan bioeffluent, biosolid dan biogas sebagai sumber tenaga baharu. Meskipun memiliki pelbagai kegunaan, namun, timbul persoalan hukum mengenai status air terawat dari sisa kumbahan, adakah ia boleh dimanfaatkan, memandangkan ia berasal daripada sumber air mutanajjis dan air mustakmal. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis fatwa-fatwa berkaitan air terawat dari sisa kumbahan dalam aspek perubahan yang berlaku daripada sifat asalnya yang najis (mutanajjis) kepada mustakmal ataupun bersih (mutlak). Metodologi kajian ini berbentuk kualitatif, menggunakan kaedah pengumpulan data secara analisis dokumen terhadap fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa air sisa kumbahan yang telah dirawat, menurut fatwa, dikategorikan</p>	<p>Technology advances nowadays give a huge impact to the human welfare. In particular related to treatment of sewage water technology that can be converted to more valuable treated wastewater to be used in plant fertilizer and drinking water. While the sewage sedimentation produces bioeffluent, biosolid and biogas as a new energy sources. Despite having a variety of uses, there is question related islamic rule in using treatment water from sewage, is permissible to utilise because they came from mutanajjid water and mustakmal or used water. Therefore, this article is focus on analysing of fatwas on sewage treatment water particularly in changing from mutanajjis water to used water or pure water. This research is qualitative that will using methodology of collecting data by analysing documents of approved fatwas. The findings of study indicate as treated waste water is characterized as pure water. It is because transformation process to eliminate excrement and change it to pure water. Therefore, it can be used as plant watering and drinking water as long as it is not harmful because it has returned to the original nature of water.</p>

<p>sebagai air yang suci lagi menyucikan (air mutlak), kerana berlakunya proses perubahan untuk menghilangkan najis dan mengekalkan semula sifat asal air yang suci lagi menyucikan. Justeru, air tersebut boleh digunakan untuk siraman bahkan ia boleh digunakan untuk minuman, selagi mana tidak memudaratkan, kerana air tersebut telah kembali kepada sifat air yang asal.</p> <p>Katakunci: Fatwa, air, sisa kumbahan, mutanajjis, mustakmal</p>	<p>Keywords: Fatwa, water, sewage, mutanajjis, mustakmal</p>
---	---

Pendahuluan

Air merupakan salah satu elemen yang sangat penting dalam kehidupan seharian manusia. Kehidupan manusia akan menjadi lebih sukar jika tiada air kerana hampir semua aktiviti harian adalah bergantung kepada air sebagai contoh untuk beribadah, memasak, membersihkan diri dan sebagai sumber bekalan minuman seharian. Di dalam al-Quran juga menunjukkan bahawa perkataan air (الماء) ditulis sebanyak 63 kali (Abd al-Baqi, 1987).

Malah, keutamaan untuk menggunakan air diberikan dahulu kepada manusia, kemudian haiwan dan seterusnya untuk tujuan pertanian (Walid, 2000). Berdasarkan agenda 21, Millenium Declaration & Political Declaration of Johannesburg menyatakan bahawa air merupakan hak asasi manusia sama ada dari segi kualiti mahupun kuantiti (Scanlon, Cassar & Nemes, 2004). Malah, air sangat penting dari segi sosial dan ekonomi untuk pembangunan manusia. Di bumi ini, terdapat 70% air di mana 97.5% daripadanya ialah air masin dan 2.5% adalah air tawar. Akan tetapi, daripada 2.5% air tawar yang wujud itu, hanya 0.3% sahaja air tawar yang boleh digunakan dalam aktiviti seharian iaitu di kawasan tasik dan sungai (Mohd Istajib & Raihanah, 2012). Disebabkan itu, kawasan-kawasan ini sangat perlu dijaga supaya tidak tercemar dari kotoran yang dibuat oleh manusia sendiri (Sukarni, 2014). Bahkan hal ini sangat bertepatan dengan ajaran Islam sehinggakan baginda Rasulullah SAW memberikan amaran kepada umatnya agar tidak termasuk dalam salah satu golongan manusia yang dilaknat, iaitu:

اتَّقُوا الْمَلَأِينَ الثَّلَاثَ الْبَرَّازَ فِي الْمَوَارِدِ وَقَارِعَةَ الطَّرِيقِ وَالظِّلَّ

Hindarkan diri kalian dari tiga golongan yang mengundang laknat: orang yang melepaskan najis pada sumber air, di tengah jalan dan di tempat berteduh. (Hadis. Abu Daud. Kitab Taharah: Bab Tempat Dilarang Kencing: #26)

Di Malaysia, antara pendekatan yang diambil bagi mengelakkan pencemaran air adalah dengan merawat terlebih dahulu air kumbahan sebelum dilepaskan semula ke dalam sungai. Proses merawat air sisa kumbahan dijalankan oleh Indah Water Konsortium (IWK). Akan tetapi, terdapat juga produk kumbahan yang dihasilkan setelah melalui proses rawatan. Antaranya ialah produk biopepejal seperti baja dan bioefluen seperti air (IWK, 2019). Selain itu, sisa buangan yang telah dikitar semula akan digunakan untuk menjana tenaga elektrik melalui 'biomass conversion', baja untuk tanaman dan untuk perindustrian (Nur Aqidah, 2019). Manakala produk kumbahan biopepejal berfungsi sebagai baja untuk memperbaiki keadaan tanah dan meningkatkan tumbesaran tumbuhan bukan makanan seperti pokok hutan (Mohd Zaid, 2019).

Malah, Wan Hanna Melini (2018) menerangkan dengan lebih terperinci tentang produk-produk kumbahan. Antaranya ialah bioefluen yang dilepaskan ke saluran air atau sungai digunakan dalam sektor industri dan perladangan. Biopepejal digunakan sebagai baja dan sumber tenaga, sektor perladangan atau landskap, penebusgunaan dan pembaikpulihan tanah serta pembakaran. Biopepejal banyak memberi manfaat kerana ianya kaya dengan nutrien. Biogas pula sangat berguna untuk menjana kuasa, haba dan bio-bahan api oleh kerana biogas merupakan campuran dua gas utama iaitu metana dan karbon dioksida.

Contohnya, Loji Rawatan Kumbahan Pantai 2 mengguna produk biogas untuk penjanaan tenaga elektrik dan pemanasan tangki pencernaan enap cemar, sistem solar dan kitar semula bagi kegunaan loji. TDM Bhd juga melaksanakan dua projek biogas di Kemaman dan Sungai Tong dimana ianya berkonsepkan teknologi hijau ("TDM Bhd bina dua loji biogas", 2018). Selain itu, Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS) juga menyelenggara pokok hiasan dan landskap di sekitar bandaraya dengan menggunakan 151 meter padu bioefluen (air terawat) dan 15 tan biosolid iaitu baja untuk setiap bulan yang dibekalkan oleh Indah Water Konsortium (IWK) (Muhaamad Hafis Nawawi, 2016) Ini menunjukkan bahawa produk kumbahan banyak memberi manfaat jika masyarakat peka tentang penggunaan produk kumbahan yang telah dikitar semula.

Selain itu, di sesetengah negara yang memiliki sumber air terhad, air sisa kumbahan dikitar semula bagi menampung bekalan air domestik. Contohnya di Singapura, terdapat produk NEWater yang boleh didefinisikan sebagai air yang diproses semula menjadi air bersih serta boleh digunakan secara domestik mahupun pada kegunaan industri (Mohd

Yusof Abdul Rahman et al, 2017; Ahmad Zaharuddin Sani. 2004). NEWater juga merujuk kepada air kumbahan sama ada air musta'mal (sudah dipakai) atau air mutanajjis (bernajis), kemudian air kumbahan ini dikitar semula melalui proses penyulingan (Syazreyanie, t.t).

Bagaimanapun, dari perspektif Syariah, kesemua produk yang terhasil dari air kumbahan ini memerlukan kupasan hukum yang terperinci kerana ia bersangkutan dengan isu penggunaan semula air yang telah bercampur dengan najis (mutanajjis) dan sudah digunakan (mustakmal).

Pengurusan Air Sisa Kumbahan di Malaysia

Kumbahan dan air sisa merupakan cecair buangan dari tandas, bilik air serta sinki yang dilepaskan dari kawasan perumahan, premis perniagaan atau industri. Kumbahan juga merupakan air sisa yang mengandungi bahan pepejal organik dan bukan organik, mengandungi mikroorganisma sama ada patogen serta komposisi 99.9% air dan 0.1% pepejal (Suhairi, 2006). Terdapat beberapa kategori air sisa kumbahan iaitu; i) air hitam (sisa kumbahan), ii) air kelabu (dari dapur dan bilik mandi) dan, iii) air sisa dari institusi dan pusat komersil termasuklah hospital, luahan industri, sama ada bahan terlarut atau terampai (Wan Hanna, 2017). Rawatan kumbahan ialah kombinasi antara proses fizikal, proses biologi dan proses kimia (Mohd Azlan, 2001).

Bagi membendung masalah pencemaran air terutamanya dari air sisa kumbahan, kerajaan telah menubuhkan Indah Water Konsortium (IWK) sebagai satu langkah untuk menguruskan efluen manusia secara menyeluruh. Efluen merupakan pelepasan sisa dari sesuatu sumber. Efluen akhir pula ialah pelepasan efluen dari loji rawatan kumbahan atau air sisa. Antara peranan IWK adalah merawat air efluen seperti pengepaman air tandas, air dari basuhan dapur, bilik mandi dan sisa-sisa industri yang disalurkan ke sistem pembetung. Rawatan ini sangat penting untuk memastikan air yang disalurkan semula ke laut atau sungai adalah bertepatan dengan piawaian yang telah ditetapkan disamping memastikan air itu bersih dan selamat digunakan daripada terkena apa-apa penyakit (Suhairi, 2006). Selain itu, IWK memainkan peranan perkhidmatan pengosongan tangki septik dan pembetungan bersambung serta perkhidmatan penyambungan paip pembetung individu ataupun awam (Mohd Ekhwan, 2003).

Di Malaysia, kaedah rawatan kumbahan terbahagi kepada empat bahagian (IWK, 2019i):

Pertama, rawatan permulaan kumbahan. Rawatan ini adalah untuk menyingkirkan unsur-unsur kumbahan yang mungkin menyebabkan masalah-masalah penyelenggaraan atau operasi dengan operasi-operasi rawatan. Contohnya ialah untuk

menyingkirkan serpihan dan kain buruk, penyingkiran batu-batu halus menerusi pemendapan dan juga penyingkiran minyak dan gris menerusi proses pengapungan.

Kedua ialah rawatan utama kumbahan. Dalam proses ini, pepejal terapung dan bahan organik akan disingkirkan melalui proses pemeriksaan dan pemendapan. Ini kerana, efluen rawatan ini mengandungi pepejal terapung atau bahan organik yang tinggi.

Ketiga ialah rawatan sekunder tambahan. Rawatan ini fokus kepada penyingkiran bahan organik terbiodegrasikan dan pepejal terapung. Proses-proses unit biologi banyak digunakan dan berkemungkinan penyahjangkitan dimasukkan dalam rawatan ini.

Keempat ialah rawatan peringkat tinggi kumbahan. Rawatan ini menyingkirkan nutrien-nutrien, bahan toksik termasuk logam-logam berat dan menyingkirkan bahan organik dan pepejal terapung. Malah, efluen daripada rawatan peringkat tinggi ini adalah berpiawaian tinggin dan sesuai untuk digunakan semula. Akan tetapi, rawatan peringkat tinggi kumbahan ini masih belum wujud di Malaysia. Hanya rawatan permulaan kumbahan, rawatan utama kumbahan dan rawatan sekunder tambahan yang diaplikasikan di Malaysia.

Pengurusan Air Menurut Islam

Dalam Islam, air mempunyai peranan yang amat penting. Oleh kerana itu dapat dilihat bahawa perbincangan mengenai isu air telah diletakkan pada permulaan kitab-kitab fiqh iaitu dalam bab bersuci (taharah). Al-Quran turun menyatakan mengenai nikmat dan kegunaan air untuk manusia, contohnya menerusi firman Allah:

وَيُنزِّلُ عَلَيْكُمْ مِّنَ السَّمَاءِ مَاءً لِّيُطَهِّرَكُم بِهِ

Dia menurunkan kepada kamu hujan dari langit untuk mensucikan kamu dengannya

(Surah al-Anfal 8:11)

وَأَرْسَلْنَا الرِّيْحَ لَوَاقِحَ فَأَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَسْقَيْنَاكُمُوهُ وَمَا أَنْتُمْ لَهُ بِخَازِنِينَ

Dan Kami hantarkan angin sebagai pembawa air dan pemindah benih; maka dengan itu Kami menurunkan air (hujan) dari langit, kemudian Kami berikan kamu meminumnya; dan bukanlah kamu yang (berkuasa menurunkannya atau) menyimpannya.

(Surah al-Hijr 15:22)

Berdasarkan mazhab Shafi'e, air boleh dibahagikan kepada empat jenis. Pertama ialah air mutlak iaitu air yang suci dan menyucikan serta tidak makruh. Air mutlak boleh digunakan untuk mengangkat hadas dan menghilangkan najis. Terdapat tujuh jenis air

mutlak yang harus digunakan untuk bersuci iaitu air hujan, air laut, air perigi, air sungai, air mata air, air salji dan air embun (Al-Hishni, 2001).

Kedua, air musyammas iaitu air dalam bekas mudah berkarat (seperti besi tembaga, aluminium) yang menjadi panas akibat terkena cahaya matahari, di negara yang kebiasaannya bercuaca panas. Hukum air ini ialah suci dan menyucikan tetapi makruh untuk digunakan pada tubuh badan. Ini kerana dari sudut kesihatan, penggunaan air musyammas boleh menyebabkan penyakit kulit seperti sopak. Bagaimanapun, sekiranya air panas tersebut menjadi sejuk, ia tidak lagi makruh digunakan (Al-Hishni, 2001).

Ketiga, air mustakmal iaitu merujuk kepada lebih air yang telah digunakan untuk mengangkat hadas (bersuci atau mandi wajib) dan menghilangkan najis. Hukum air ini ialah suci tetapi tidak boleh menyucikan. Bagaimanapun, isu sisa air mustakmal dalam kuantiti yang banyak serta tidak berubah sifatnya (rasa dan bau), sama ada boleh digunakan untuk bersuci atau tidak, menjadi khilaf di kalangan ulamak. Menurut pendapat terkuat dalam mazhab Shafi'e, ia tidak menyucikan. Ini bersandarkan hujah bahawa para sahabat Nabi tidak pernah mengumpulkan lebih air mustakmal untuk digunakan semula bagi tujuan berwuduk (Al-Hishni, 2001).

Keempat, air mutanajjis iaitu air yang terkena najis, apabila kuantiti air itu kurang dari dua qullah ataupun sempurna dua qullah tetapi berubah salah satu dari sifat-sifatnya (warna, bau dan rasa). Dalam sukatan semasa, dua qullah bersamaan kira-kira 160.5 liter. Isu mutanajjis diberikan penekanan dalam artikel ini kerana air sisa kumbahan biasanya bercampur dengan najis dan kuantitinya di loji kumbahan adalah banyak, melebihi dua qullah. Justeru, terdapat panduan umum yang diberikan oleh baginda Rasulullah SAW mengenai perkara ini, iaitu hadis Riwayat Ibnu Umar:

إِذَا كَانَ الْمَاءُ قُلَّتَيْنِ لَمْ يَحْمِلِ الْخَبِيثَ

“Apabila air itu cukup dua qullah, ia tidak kotor”

(Hadith. Al-Tarmidhi. Kitab Taharah. No. Hadis 67).

Manakala menurut Ibn Taimiyyah (1987), air boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu suci dan menyucikan (tahur), suci tetapi tidak menyucikan (tahir) dan tidak suci dan tidak menyucikan (najis). Ini juga disepakati oleh jumah ulama akan tetapi mereka berselisih pendapat berkaitan dengan jenis air kategori tahir sahaja. Menurut Indeks Kualiti Air-Jabatan Alam Sekitar (IKAJAS) pula, mereka juga membahagikan air kepada tiga bahagian iaitu bersih, sederhana tercemar dan tercemar. Perbezaan air antara perundangan Islam dan IKA-JAS berlaku kerana Islam melihat kepada zat dan sifatnya

sama ada boleh menyucikan atau tidak tetapi IKA-JAS hanya melihat kepada zat air itu sahaja sama ada bersih atau tidak (Mohd Istajib & Raihanah, 2012).

Selain itu, Sheikh Yusuf al-Qaradawi menerangkan dengan lebih terperinci berkaitan dengan jenis air yang dinyatakan sebelum ini iaitu kepada sembilan jenis air. Pengkelasan air mutlak boleh dibahagikan kepada tiga kelas, air musyammas satu kelas, air musta'mal tiga kelas dan air mutanajjis dibahagikan kepada dua kelas. Pengkelasan ini berlaku berdasarkan kualiti air yang paling baik sehingga ke air yang tercemar. Berlainan pula dengan penetapan Jabatan Alam Sekitar (JAS) berkaitan dengan pengkelasan air, mereka membahagikan air kepada enam kelas sahaja. Perbezaan kelas air ini berlaku kerana air tawar dan air masin termasuk dalam perundangan Islam tetapi JAS hanya memfokuskan kepada air tawar sahaja. Tidak dapat dinafikan juga bahawa kualiti air dalam perundangan Islam lebih bagus dan tinggi berbanding kualiti air JAS. Hal ini disebabkan oleh air dalam perundangan Islam melibatkan hubungan dengan Allah iaitu berkaitan ibadah, hubungan sesama manusia iaitu berkaitan bekalan air dan juga hubungan dengan alam sekitar seperti perikanan. Akan tetapi, JAS hanya fokus kepada hubungan sesama manusia dan alam sekitar sahaja (Mohd Istajib & Raihanah, 2012).

Analisis Fatwa Air Kumbahan

Dalam isu penggunaan semula air sisa kumbahan, terdapat beberapa fatwa yang membincangkan hal ini.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dalam satu keputusan fatwa (tidak diwartakan) telah membincangkan penggunaan semula biofluen terawat dan biopepejal dari loji rawatan kumbahan (LRK) IWK. Dalam fatwa ini menyebut bahawa:

- a. Proses rawatan sisa kumbahan ini hanya dilakukan kepada sisa kumbahan domestik sahaja yang diterima dan diproses di LRK awam yang diselenggara oleh IWK. Manakala, sisa daripada aktiviti pengeluaran industri tidak disambung ke sistem pembetungan awam di Malaysia. Secara asasnya, rawatan kumbahan akan melalui 3 proses rawatan utama iaitu rawatan permulaan, rawatan utama, dan rawatan sekunder.
- b. Rawatan permulaan kumbahan didefinisikan sebagai penyingkiran unsur-unsur bukan organik yang berpotensi menyebabkan masalah penyelenggaraan dan operasi rawatan. Ini termasuk pengasingan dan pengisaran untuk penyingkiran serpihan dan kain buruk, penyingkiran batu-batu halus menerusi pemendapan

- dan juga penyingkiran minyak dan gris menerusi proses pengapungan. Kumbahan yang telah disaring akan disalurkan ke dalam tangki rawatan utama.
- c. Di dalam rawatan utama, proses tindakbalas biologi dan pengudaraan akan menyingkirkan sedikit pepejal terapung dan bahan organik. Pepejal di dalam kumbahan berada di dalam keadaan terampai dan bakteria di dalam kumbahan akan memecahkan bahan-bahan organik. Efluen daripada rawatan utama akan mengandungi kandungan pepejal terapung atau bahan organik yang tinggi. Efluen ini kemudiannya akan disalurkan ke tangki rawatan sekunder (penjernih).
 - d. Rawatan sekunder kumbahan tertumpu kepada penyingkiran bahan organik terbiodegradasikan dan pepejal terapung melalui proses mendapan di mana bahan-bahan organik terampai akan mendap sebagai enapcemar. Enapcemar yang terhasil akan dikeluarkan untuk rawatan lanjut penghasilan biopepejal. Manakala, efluen akhir yang terhasil yang juga dikenali sebagai bioefluen terawat akan dilepaskan ke sungai yang berdekatan.
 - e. Di dalam proses yang berasingan, enapcemar yang disingkirkan pada rawatan sekunder akan melalui proses menyahair untuk menyingkirkan sekurang-kurangnya 80% kadar kelembapan di dalam enapcemar tersebut. Proses ini akan menghasilkan enapcemar kering dan pejal yang juga dikenali sebagai biopepejal.

Hasil perbincangan menunjukkan bahawa Jawatankuasa menjawab persoalan ini dengan berpandukan kepada beberapa dalil dan pendapat ulama. Antaranya;-

- a. Daripada Abdullah bin Umar R.A berkata: Aku mendengar Rasulullah SAW ketika ditanya tentang air di padang pasir yang sering didatangi oleh binatang buas dan binatang-binatang lain, sabda Baginda:

إِذَا كَانَ الْمَاءُ قُلَّتَيْنِ لَمْ يَحْمِلِ الْخَبَثَ

Maksudnya: "Jika air mencapai dua qullah, ia tidak menanggung najis lagi."

(Riwayat Abu Daud, no. 63)

إِذَا كَانَ الْمَاءُ قُلَّتَيْنِ أَوْ ثَلَاثًا فَإِنَّهُ لَا يَنْجُسُ

Maksudnya: "Jika air mencapai dua qullah atau tiga qullah, ia tidak dihukum najis lagi."

(Riwayat Ahmad, no. 5855)

b. Imam al-Nawawi dalam al-Majmu' menyebut:

إِذَا أَرَادَ تَطْهِيرَ الْمَاءِ النَّجِسِ نُظِرَ فَإِنْ كَانَتْ نَجَاسَتُهُ بِالتَّغْيِيرِ وَهُوَ أَكْثَرُ مِنْ قُلَّتَيْنِ طَهَّرَ: بِأَنْ يَزُولَ التَّغْيِيرُ بِنَفْسِهِ أَوْ بِأَنْ يُضَافَ إِلَيْهِ مَاءٌ آخَرُ: أَوْ بِأَنْ يُؤْخَذَ بَعْضُهُ لَانَ النِّجَاسَةَ بِالتَّغْيِيرِ وَقَدْ زَالَ (الشرح) إِذَا زَالَ تَغْيِيرُ الْمَاءِ النَّجِسِ وَهُوَ أَكْثَرُ مِنْ قُلَّتَيْنِ نُظِرَ إِنْ زَالَ بِإِضَافَةِ مَاءٍ آخَرَ إِلَيْهِ طَهَّرَ بِلَا خِلَافٍ سِوَاءَ كَانَ الْمَاءُ الْمُضَافُ طَاهِرًا أَوْ نَجِسًا قَلِيلًا أَوْ كَثِيرًا وَسِوَاءَ صُبِّ الْمَاءِ عَلَيْهِ أَوْ نَبَعِ عَلَيْهِ وَإِنْ زَالَ بِنَفْسِهِ أَيْ بِأَنْ لَمْ يَحْدُثْ فِيهِ شَيْءٌ بَلْ زَالَ تَغْيِيرُهُ بِطُلُوعِ الشَّمْسِ أَوْ الرِّيحِ أَوْ مُرُورِ الزَّمَانِ طَهَّرَ أَيْضًا عَلَى الْمَذْهَبِ وَبِهِ قَطَعَ الْجُمْهُورُ.

Maksudnya: "Jika seseorang hendak membersihkan air yang terkena najis, hendaklah diperhatikan keadaannya. Sekiranya kenajisan air tersebut kerana berlakunya perubahan (warna, bau atau rasa) dan ia melebihi dua qullah, maka air dikira suci: disebabkan perubahan itu hilang dengan sendirinya atau disebabkan ditambah air yang lain kepadanya atau diambil sebahagiannya kerana kenajisan itu disebabkan perubahan sedangkan punca berlakunya perubahan tersebut sudah tiada."

Sebagai penjelasan, jika hilang perubahan pada air yang terkena najis yang melebihi dua qullah, hendaklah dilihat keadaannya. Jika najis tersebut hilang dengan tambahan air lain, maka dikira suci tanpa khilaf padanya samada air tambahan itu suci atau bernajis samada sedikit atau banyak. Begitu juga samada air yang ditambah itu ditambah dengan cara tuang atau dengan cara terbit (mata air). Dan sekiranya najis tersebut hilang dengan sendirinya yakni tidak berlaku suatu pertambahan padanya bahkan hilang perubahannya dengan pancaran cahaya matahari atau dengan tiupan angin atau dengan waktu yang panjang, maka keadaan sedemikian juga dikira suci menurut pandangan mazhab al-Syafie dan keputusan ini juga turut dipegang oleh jumhur ulama.

Berdasarkan kaedah penyucian air yang dilaksanakan oleh pihak Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. bagi menghasilkan bioefluen terawat dan biopepejal dari Loji Rawatan Kumbahan (LRK), hasil lawatan yang dilakukan dan penerangan yang diberikan, maka Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah-Wilayah Persekutuan berpendapat sistem infrastruktur yang mengalirkan kumbahan itu berupaya menjadikan air kumbahan tersebut suci lagi menyucikan (air mutlak) kerana berlakunya proses perubahan untuk menghilangkan najis dan mengekalkan semula sifat asal air yang suci lagi menyucikan. Justeru, air tersebut boleh digunakan untuk siraman bahkan ia boleh digunakan untuk minuman kerana air tersebut telah kembali kepada sifat air yang asal (JAKIM, 2017).

Pandangan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan

Berdasarkan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke 53 pada persidangan pada 27 November 2002 berkenaan dengan penggunaan air baru (NEWater), Muzakarah telah memutuskan bahawa air NEWater adalah bersih dan harus digunakan dari sudut hukum syarak (JAKIM, 2015).

Fatwa Darul Ifta' Arab Saudi

Menurut Fatwa Majlis Ulama-ulama Besar Kerajaan Arab Saudi, air terpakai yang telah melalui proses kitar semula serta terhindar dari bau, rasa dan warna dianggap sebagai air mutlak iaitu suci dan menyucikan. Hujah mereka adalah bahawa air yang banyak yang terkena najis menjadi suci apabila berubah secara semulajadi atau dengan dimasukkan air bersih ke dalamnya atau berubah disebabkan ianya terlalu lama atau terkesan dengan cahaya matahari atau tiupan atau seumpama dengannya. Oleh itu, air tersebut dihukum suci setelah dikitar semula. Air ini boleh digunakan untuk mengangkat hadas, membersihkan kotoran dan sah bersuci dengannya. Akan tetapi, jika terdapat air lain yang boleh digunakan, maka keutamaan diberikan kepada air lain tersebut (Ahmad Zaharuddin Sani, 2004).

Fatwa Majlis Ugama Islam Singapura

Menurut Jawatankuasa Fatwa Majlis Ugama Islam Singapura pada fatwa bertarikh 22 Mei 2001, air yang telah diproses secara pensulingan dikira air suci lagi menyucikan. Ini bermakna air NEWater adalah suci dan bersih serta tergolong daripada air mutlak yang suci lagi menyucikan. Ini berdasarkan kepada beberapa dalil. Pertama, Syeikh Abdul Rahman Abdul Khalik menyatakan bahawa zat (molekul) air adalah selama-lamanya bersih. Ini bermakna air tidak akan larut dengan elemen najis yang bercampur dengannya akan tetapi, air akan bertukar menjadi najis kerana ia membawa najis sahaja. Apabila air najis itu dirawat, maka air tersebut kembali suci lagi menyucikan. Kedua, Imam an-Nawawi dalam kitab al-Majmuk menyatakan bahawa kaedah menghilangkan najis daripada air yang melebihi dua kolah adalah dengan perubahan dengan cara sendiri (semulajadi) iaitu dengan perubahan masa, matahari atau tiupan angin, perubahan dengan ditambah air ke atasnya atau perubahan dengan dikeluarkan najis tersebut daripada air. Oleh itu, rancangan pemerintah Singapura di mana air yang telah diproses itu akan dicampurkan terlebih dahulu di dalam kolam air sebelum kegunaan awam adalah bertetapan dengan hukum fiqh. Maka, air yang digunakan itu adalah air yang suci (MUIS, 2001).

Fatwa Majelis Ulama Indonesia

Majelis Ulama Indonesia (MUI) (2010) juga ada menfatwakan tentang air daur ulang. Air daur ulang bermaksud air hasil olahan (rekayasa teknologi) dari air yang telah digunakan (mustakmal), terkena najis (mutanajjis) atau yang telah berubah salah satu sifatnya iaitu rasa, warna dan bau (mutagayyir) sehingga dapat dimanfaatkan kembali. Dengan kata mudah, air daur ulang ini adalah merupakan air kitar semula. Hukum air daur ulang adalah suci menyucikan (tahir mutahhir) sepanjang diproses sesuai dengan ketentuan fiqh iaitu berdasarkan salah satu dari tiga kaedah yang diberikan:

- i. Kaedah pertama ialah thariqat an-nazh iaitu dengan cara menguras air yang terkena najis atau yang telah berubah sifat sehingga yang tinggal adalah air yang suci dari najis dan tidak berubah salah satu sifatnya.
- ii. Kaedah kedua ialah thariqah al-mukatsarah iaitu dengan menambahkan air suci lagi menyucikan (tahir mutahhir) pada air yang terkena najis (mutanajjis) atau yang berubah (mutagayyir) sehingga mencapai paling kurang dua kolah serta unsur najis dan semua sifat yang menyebabkan air itu berubah akan hilang.
- iii. Kaedah ketiga ialah thariqah taghyir iaitu dengan cara mengubah air yang terkena najis atau yang telah berubah sifatnya dengan menggunakan alat bantu yang dapat mengembalikan sifat-sifat asli air itu kepada suci lagi menyucikan (tahir mutahhir) dengan syarat air perlu lebih dari dua kolah dan alat bantu yang digunakan haruslah suci.

Malah, MUI menyatakan bahawa air daur ulang boleh digunakan sebagai wuduk, mandi, menyucikan najis dan istinja serta halal diminum, digunakan untuk memasak dan untuk kepentingan lain selagi mana ianya tidak membahayakan kesihatan. Wahyu (2014) menambah bahawa dalam qias syariyyah, asal qias ialah air suci, cabang qias ialah air daur ulang (kitar semula), hukum asal qias ialah wajib menggunakan air suci dan illah qias ialah kerana tidak terdapat najis di dalam air tersebut.

Perbincangan

Hasil penelitian terhadap fatwa-fatwa yang telah dikeluarkan, dapat disimpulkan bahawa hukum air terawat dari sisa kumbahan adalah termasuk dalam kategori air mutlak. Oleh yang demikian, air tersebut harus digunakan untuk tujuan bersuci, seperti mengangkat hadas kecil atau besar, serta bagi menghilangkan najis.

Selain itu, kebanyakan fatwa didapati telah mengaplikasikan konsep istihlak, iaitu satu kaedah purifikasi alternatif bagi air yang bercampur dengan najis. Konsep ini

sememangnya sudahpun terdapat dalam perbincangan para ulamak silam. Secara asasnya, perkataan istihlak mempunyai dua pengertian. Pertama, istihlak bermaksud menjadikan sesuatu itu sebagai binasa (halik) seperti seseorang istihlak hartanya iaitu dia membelanja dan menghabiskannya. Kedua, istihlak bermaksud bercampur sesuatu dengan yang lain sehingga luput atau hilang sifat yang ada padanya atau ciri-ciri yang dimaksudkan, di mana ia menjadi binasa, sekalipun masih berbaki. Contohnya, seperti bercampur arak atau susu dalam air atau cairan yang lebih banyak. Ini bermaksud bahawa jika bahan haram atau bahan najis, apabila ia bercampur dengan sesuatu yang bersih dengan jumlah yang lebih banyak, maka hilangkah sifat najis yang diharamkan oleh syarak (Nazih Hammad, 2004).

Dalil bagi konsep istihlak adalah berdasarkan hadis Rasulullah iaitu:

إِذَا كَانَ الْمَاءُ قُلَّتَيْنِ لَمْ يَحْمِلِ الْخَبَثَ

“Apabila air itu cukup dua qullah, ia tidak kotor”

(Hadith. Al-Tarmidhi. Kitab Taharah. No. Hadis 67).

Hadis ini menerangkan bahawa jika air najis atau benda haram bercampur dengan air yang banyak ataupun cairan yang bersih, maka ianya kekal bersih dan halal tanpa dipengaruhi bahan najis tersebut. Istihlak juga adalah sebahagian daripada istihalah. Ianya bermaksud sesuatu yang haram ataupun najis yang terdapat dalam cairan bersih adalah dikategorikan sebagai halal. Dalam konteks masakini, aplikasi konsep istihlak ini dapat dilihat dalam kes air NEWater di Singapura, iaitu produk air minuman yang dihasilkan secara sulingan daripada air kumbahan.

Namun demikian, meskipun dari sudut hukum fiqh air sisa kumbahan dihukumkan sebagai air mutlak, tetapi pengkaji berpendapat sekiranya untuk diminum, maka perlu dipastikan terlebih dulu keselamatannya. Ini kerana, jelas terdapat perbezaan antara air NEWater di Singapura dan air sisa kumbahan yang dirawat oleh IWK di Malaysia, dari sudut penggunaan teknologi rawatan air. Ini kerana kaedah rawatan air di negara ini hanya terhenti setakat peringkat rawatan sekunder tambahan dan bukan rawatan peringkat tinggi kumbahan, seperti yang dilaksanakan di Singapura. Justeru, berkemungkinan kandungan air tersebut masih terdapat pelbagai jenis mikrob dan bakteria yang merbahaya. Oleh itu, peranan ahli sains amat penting iaitu dengan perlunya membuat ujian makmal terlebih dahulu.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, dapatlah dinyatakan bahawa penetapan hukum air sisa kumbahan dari sumber mutanajjis dan mustakmal adalah berpandukan kepada aspek perubahan illah yang berlaku. Dalam lain perkataan, apabila dapat dipastikan hilangnya segala elemen najis dan kotoran, maka hukum air adalah suci dan harus digunakan semula. Terdapat tiga kaedah penyucian air dalam Islam iaitu sama ada secara penyaringan bahan najis (thariqat an-nazh), menambahkan air bersih sehingga mencukupkannya menjadi dua qullah (thariqah al-mukatsarah), dan perubahan sifat air iaitu secara semulajadi atau menggunakan bahan bantu untuk menghilangkan sifat najis pada air (thariqah taghyir). Kesemua kaedah ini dilihat selaras dengan amalan rawatan air yang dilaksanakan di loji rawatan kumbahan Indah Water Konsortium. Bagi kajian lanjutan, penelitian terhadap unsur-unsur lain yang terdapat air kumbahan yang telah dirawat, seperti mikrob dan aspek kimia air adalah amat penting. Ini bagi memastikan supaya aspek keselamatan air terawat dari sisa kumbahan adalah terjamin ketika menggunakannya untuk bersuci.

Penghargaan

Artikel ini merupakan sebahagian hasil kajian di bawah tajuk “Pembersihan Air Mutanajjis Dari Sisa Kumbahan Menurut Kerangka Syariah” yang dibiayai oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi USIM di bawah kod penyelidikan: (PPPI/UGC_0119/FSU/051000/11819).

RUJUKAN

Al-Quran.

Abd al-Baqi, Muhammad Fuad, al-Mu’jam al-Mufahras li Alfaz al-Quran al-Karim. Kaherah: Dar al-hadith, 1987.

Abu Daud, Sulayman ibn al-Ash’ath ibn Ishaq al-Azdi al-Sijistani, Sunan Abu Daud, English Translation of Sunan Abu Dawud. Jilid 1, Riyadh: Maktaba Darussalam, 2008.

Ahmad Zaharuddin Sani bin Ahmad Sabri, Nilai pengurusan air secara Islam dalam komuniti dalam pascamodenism. Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), Hotel City Bayview Langkawi, 2004.

Al-Hishni, T. A. *Kifayah al-Akhyar fi Halli Ghayah al-Ikhtisar*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 2001.

Al-Tarmidhi, Muhammad Isa. *English Translation of Jami' Al-Tarmidhi*. Jilid 1, Riyadh: Maktaba Darussalam, 2007.

Ibn Taimiyyah, A. *Ahkam al-taharah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1987.

Indah Water Konsortium. *Sewage: Kaedah-kaedah rawatan kumbahan*. Dicapai 21 April 2021. <https://www.iwk.com.my/do-you-know/sewage-treatment-methods-my>.

Indah Water Konsortium. *Guna semula sisa kumbahan sebagai sumber alternatif yang mampan*. Dicapai 21 April 2021. https://www.iwk.com.my/cms/upload_files/pressrelease/press_file_000064.pdf.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. *Hukum penggunaan air baru (newater): Kompilasi pandangan hukum muzakarah jawatankuasa fatwa majlis kebangsaan hal ehwal ugama Islam Malaysia*. Shah Alam: Crystal Creative Empire, 2015.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. *Penggunaan semula bioefluen terawat dan biopepejal dari Loji Rawatan Kumbahan ("LRK") IWK*. Dicapai 21 April 2021. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/15524>.

Majelis Ulama Indonesia. *Air daur ulang*. Dicapai 21 April 2021. <http://halalmui.org/images/stories/Fatwa/fatwa-airdaurulang.pdf>.

Majlis Ugama Islam Singapura. *Fatwa penggunaan air yang di kitar semula – newater*. Nombor fatwa: FAT00001-2003. Dicapai 21 April 2021. <http://www.muis.gov.sg/rservices/index2.asp>.

Mohd Azlan Abdullah, *Sistem pembedugan terpusat: Strategi melestarikan pengurusan kumbahan*. Conference: Environmental Management 2001: Current Development & Future Planning, 2001.

Mohd Ekhwan Hj Toriman, *Membentuk sistem bersepadu buangan efluen di Malaysia: Pengurusan Indah Water Konsortium*. *Akademika* 62, 93-111, 2003.

Mohd Istajib Mokhtar & Raihanah Abdullah, *Undang-undang air Islam: Analisis komparatif terhadap aspek kualiti air*. *Jurnal Syariah* 20 (2), 185-218, 2012.

- Mohd Yusof Abdul Rahman, Siti Rahayu Zakaria, Nur Imani Abdullah, Nurul Naim Razali & Saravanan Thambirajah. Air Kumbahan Dijadikan Air Minuman (NEWater). Majalah PENTING. Selangor: Percetakan Aman Jaya (M) Sdn. Bhd, 2017.
- Mohd Zaid Awang, Tarif Air: Banyak negeri setuju, tidak membebankan rakyat- Dr Xavier. Malaysia Aktif. Dicapai 16 Januari 2019. <https://malaysiaaktif.my/49647>.
- Muhaamad Hafis Nawawi, MBAS kurang kos selenggara landskap, Harian Metro. Dicapai 23 Mei 2016. <https://www.hmetro.com.my/node/140403>.
- Nazih Hammad. Al-Mawad, al-Muharramah wa al-Najasah fi al-Ghiza' wa al-Dawa' baina al-Nazariyyah wa al-Tatbiq. Damsyik: Dar al-Qalam, 2004.
- Nur Aqidah Azizi, Jana elektrik dengan sisa buangan bio-pepejal, Berita Harian. Dicapai 17 Januari 2019. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/01/521060/janaelektrik-dengan-sisa-buangan-bio-pepejal>.
- Scanlon. J, Cassar. A, & Nemes. N, (eds.), Water as a human right? (United Kingdom: International Union for Conservation of Nature (IUCN) Publications Services Unit, 2004.
- Syazreyanie binti Abdul Rajis, Penggunaan NEWater. Kolej Universiti Islam Sains dan Teknologi (KUIST), t.t.
- Suhairi bin Ahmad, Kajian perbandingan loji rawatan kumbahan pengudaraan tambahan enapcemar teraktif (EA) dan reaktor kelompok berjujukan (SBR). Tesis Master. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia) Dicapai 21 April 2021. http://eprints.usm.my/29793/1/Kajian_Perbandingan_Loji_Rawatan_Kum_Bahan_Pengudaraan_Tambahan_Enapcemar_Teraktif.pdf.
- Sukarni, Air dalam perspektif Islam. Jurnal TARJIH, 12 (1), 115-130. "TDM Bhd bina dua loji biogas", Berita Harian. Dicapai 16 Julai 2018. <https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2018/07/449987/tdm-bhd-bina-dua-lojibiogas>.

Wahyu Wibisana, Hukum penggunaan air limbah daur ulang. *Jurnal Pendidikan Agama Islam – Ta’lim*, 12 (1), 69-77, 2014.

Walid A. Abderrahman, Application of Islamic legal principles for advanced water management. *Water International*, 25 (4), 2000.

Wan Hanna Melini Wan Mohtar. Mengurus sisa sifat secara lestari. *Berita Harian*. Dicapai 6 Disember 2018.

<https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/12/505869/mengurussisa-sifar-secara-lestari>.

Wan Hanna Melini Wan Mokhtar. *Majalah Sains: Kitar Semula Air Kumbahan Sebagai Sumber Air Alternatif*. Dicapai 21 April 2021. <https://www.majalahsains.com-kitar-semula-airkumbahan-sebagai-sumber-air-alternatif/>.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.